

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Nilai RON lebih rendah peringkat pencemaran
26. May 2008
Berita Harian
Nasional
217920
2083000
Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
MALAY
9
552 cm2
Daily
Full Color



Dr Taufiq Yap

Nilai RON lebih rendah peringkat pencemaran

SAINtis bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk menggunakan petrol RON 99 dan pemsuhan petrol RON 92. Namun, mereka bimbang cadangan penggunaan petrol jenis lain tidak menepati ciri pemuliharaan alam sekitar kerana dikhawatiri meningkatkan kuantiti bahan tercemar di udara khususnya plumbum.

Ketua Laboratori Putra Sains dan Teknologi Pemangkin (PutraCAT), Jabatan Kimia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap, berkata plumbum adalah sejenis bahan tambahan yang digunakan dalam petrol untuk menaikkan nilai RON bagi meningkatkan kualiti petrol yang dihasilkan.

Katanya, penambahan plumbum adalah satu daripada tujuh kaedah menggunakan bahan tambahan untuk menaikkan jumlah RON atau *research octane number*. RON boleh diumpamakan sebagai berapa banyak tenaga terhasil daripada seliter petrol diperlukan bagi menggerakkan kenderaan.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengemukakan kaedah digunakan bagi menghasilkan petrol jenis baru iaitu petrol RON 95 yang akan diperkenalkan supaya dapat dinilai masyarakat umum memandangkan hampir semua bahan tambahan pada petrol untuk meningkatkan pembakaran dalam enjin bersifat karsinogenik seperti benzena dan plumbum.

Katanya, ia adalah sebab utama kerajaan perlu mengekalkan RON 97 kerana pemilihan RON setaraf atau lebih tinggi akan membantu mengurangkan pembebasan bahan berbahaya itu ke udara. Lebih tinggi RON maka lebih jimat penggunaan petrol yang dibakar bagi menggerakkan kenderaan.

"Nilai RON yang lebih rendah akan meningkatkan pembebasan bahan tercemar dan berbahaya itu ke udara. Kita juga bimbang peningkatan bahan tercemar lain yang turut dihasilkan daripada pembakaran petrol itu seperti sulfur, gas karbon dioksida, nitrogen dioksida dan karbon monoksida.

"Satu perempat daripada pembebasan gas rumah hijau yang menyebabkan penipisan ozon adalah daripada gas karbon dioksida yang turut terhasil daripada penggunaan petrol tanpa plumbum. Jadi tidak timbul isu penggunaan petrol tanpa plumbum atau berplumbum kerana kedua-duanya merugikan jika kerajaan bertindak menggunakan nilai RON yang lebih rendah," katanya.

Sementara itu, mengulas kesan petrol berplumbum sekiranya digunakan, Taufiq berkata, petrol itu perlu dihapuskan kerana menyebabkan enjin cepat berkarat seperti di bahagian injap, palam pencucuh dan ekzos serta merosakkan alat pengubah bermangkin.

Beliau berkata, penggunaan *catalytic converter* penting bagi menjaga alam sekitar tetapi di negara ini hanya kenderaan mewah saja yang dilengkapi alat itu dan ia tidak ada pada kenderaan lain kerana perlu dipasang sebagai alat tambahan.

"Penggunaannya di Malaysia kurang mendapat sambutan kerana harganya mahal dan membebankan rakyat iaitu mencecah RM4,000 seunit serta memerlukan penyelenggaraan yang kerap. Namun alat ini hanya menapis 90 peratus gas berbahaya yang dibebaskan melalui ekzos," katanya.

"Malaysia kini sudah diiktiraf oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unep) sebagai negara yang bebas plumbum. Jadi, usaha berterusan sangat diperlukan bagi memastikan tiada lagi penggunaan petrol berplumbum dalam negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar UPM, Dr Robiah Yunus, berkata kerajaan perlu memastikan RON 95 tidak dihasilkan melalui kaedah yang mengandungi plumbum dan memilih kaedah alternatif yang lebih selamat bagi menaikkan RON.

Katanya, jumlah plumbum yang ada dalam petrol berplumbum sekiranya ia terus dihasilkan daripada ekzos kenderaan di Malaysia cukup untuk menyebabkan pencemaran udara dan alam sekitar serta berbahaya kepada kesihatan rakyat kerana plumbum sejenis logam berat yang sangat bertoksik

"Kerajaan perlu menghapuskan petrol 92 dan memastikan petrol yang dicadangkan iaitu RON 95 bebas plumbum kerana ia penting bagi memastikan kesihatan rakyat berada pada tahap yang optimum selain memastikan mekanisme yang selamat menyekat pembebasan gas merbahaya lain secara berlebihan," katanya.